



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 ( 117 )

Tarikh : 22 Mac 2014

## SIARAN MEDIA

### LOJI INSINERATOR SELESAI MASALAH PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI PULAU LANGKAWI

**LANGKAWI, 22 MAC 2014-** Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipertanggungjawabkan untuk membina insinerator di Pulau Langkawi selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar (JKMPSPAS) yang telah diadakan pada 21 Ogos 2006 yang mencadangkan supaya loji menggunakan teknologi tempatan dibina.

Syarikat XCN Technology (XCNT) telah dilantik sebagai kontraktor projek ini pada 3 Mac 2008. Loji ini telah beroperasi sepenuhnya pada 6 Februari 2014. Bagi memastikan pengoperasian loji berjalan lancar dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan, operator loji akan menyediakan laporan penuh pengoperasian setiap bulan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara(JPSPN). Manakala, JPSPN juga bersama – sama dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pempersihan Awam(PPSPPA) akan sentiasa membuat pemantauan berkala supaya operator loji mematuhi piawaian pengoperasian yang telah ditetapkan.

Loji insinerator ini telah direkabentuk menggunakan sistem *Rotary Kiln* untuk pembakaran sisa pepejal sebanyak 100 tan sehari dengan penjanaan tenaga sebanyak 1 Megawatt. Namun buat masa ini, tenaga yang dihasilkan hanya untuk kegunaan dalaman loji sahaja. Loji ini terbahagi kepada empat (4) bahagian utama seperti berikut:

- i. *Material Recovery Facility (Mechanical Sorting)*
- ii. *Incineration Process (Combustion & Air Pollution Control)*
- iii. *Power Generation*
- iv. *Waste Water Treatment*

Dengan beroperasinya loji insinerator di Pulau Langkawi ini, tapak pelupusan di Kg. Belanga Pecah akan dapat ditutup dengan selamat dan masalah pelupusan sisa pepejal tidak lagi timbul dan pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan.

---

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan(I- KPKT)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)